



**MEDIA DIGESA MEMATUHI AKTA KANAK-KANAK DALAM PELAPORAN DAN  
PENYIARAN MEDIA MENGENAI KANAK-KANAK**

**KUALA LUMPUR (13 OGOS 2024)** - Pesuruhjaya Kanak-Kanak (PKK) melahirkan kebimbangan yang mendalam berhubung liputan media baru-baru ini mengenai seorang kanak-kanak lelaki berusia 12 tahun yang ditahan kerana memandu kereta dan seorang kanak-kanak perempuan berusia 14 tahun yang menyamar sebagai seorang doktor. Kedua-dua kanak-kanak tersebut ditampilkan di media dengan cara yang menyedihkan walaupun mereka tidak sepenuhnya bertanggungjawab di atas tindakan mereka. Kesalahan kanak-kanak lelaki terbabit berlaku disebabkan oleh kecuaiannya ibu bapanya, sementara Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengesahkan bahawa kanak-kanak perempuan tersebut pernah menerima rawatan psikiatri namun beliau tidak melakukan rawatan susulan.

Seksyen 15(2) Akta Kanak-Kanak [Akta 611] jelas melarang pihak media daripada melaporkan atau menyiarkan gambar kanak-kanak yang terlibat dalam perundangan, yang dilindungi dan berada dalam pemulihan, atau yang bertindak di luar kawalan, dalam mana-mana tahap kesekali pun. Pelanggaran kepada peruntukan ini merupakan satu kesalahan jenayah, yang boleh dihukum dengan denda sehingga sepuluh ribu ringgit, penjara hingga lima tahun, atau kedua-duanya sekali, selaras Seksyen 15(2) Akta 611.

Malaysia, sebagai salah sebuah negara pihak kepada Konvensyen mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) sejak tahun 1995 komited dalam memastikan bahawa tiada kanak-kanak dikenakan layanan yang menjatuhkan maruah walaupun kanak-kanak tersebut berkonflik dengan undang-undang, seperti yang digariskan oleh Perkara 37 CRC. Selain itu, PKK juga mengambil maklum bahawa PDRM telah mengambil langkah yang sewajarnya dalam melindungi identiti kanak-kanak yang terbabit, namun pelaporan dan penyiaran media yang berlaku adalah berada di luar kawalan PDRM.

Sehubungan itu, PKK menggesa supaya pihak media mematuhi Akta 611 dalam semua pelaporan yang melibatkan kanak-kanak. Pelanggaran undang-undang yang berterusan oleh pihak media tanpa sebarang tindakan adalah sangat membimbangkan. Oleh itu, PKK menyeru supaya penguatkuasaan yang tegas dibuat kepada Seksyen 15 Akta 611 bagi menghalang insiden seumpama ini daripada berulang. PKK bersedia untuk bekerjasama dengan Institut Akhbar Malaysia (MPI) dalam menyediakan latihan kepada pihak media bagi memberi kefahaman undang-undang berkaitan hak kanak-kanak.

**-TAMAT-**

**Dr Farah Nini Dusuki  
Pesuruhjaya Kanak-Kanak  
13 Ogos 2024**